

**BN Tiada Sebarang Pakatan Dengan Calon Bebas Dalam PRK Kajang - Tengku Adnan Bernama**  
**22Feb 2014**

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) tidak mempunyai sebarang pakatan dengan mana-mana calon yang bertanding atas tiket bebas dalam Pilihan Raya Kecil (PKR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, 23 Mac ini.

Sebaliknya, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata UMNO dan rakan-rakan parti komponen BN akan membantu calon BN iaitu naib presiden MCA Datin Paduka Chew Mei Fun untuk memenangi kerusi tersebut.

BN adalah pembangkang di Selangor dan kempen-kempen yang dijalankan adalah sebagaimana tindakan sebuah parti pembangkang, katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Kenduri 1 Wilayah Persekutuan peringkat Parlimen Lembah Pantai, di ibu negara, Sabtu.

Tengku Adnan, yang juga Menteri Wilayah Persekutuan, berkata walaupun BN adalah bukan pilihan, akan tetap berusaha untuk merampas kerusi tersebut daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Kerusi DUN Kajang kosong selepas wakil rakyatnya Lee Chin Cheh dari PKR meletak jawatan pada 27 Jan lepas untuk memberi laluan kepada Ketua Umum parti itu Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016696>